



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH  
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2015  
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**Dua jam lima belas minit**


**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.

**Bahagian A****[30 markah]***[Masa dicadangkan: 45 minit]*

Gambar di bawah menunjukkan bajet asas seseorang individu yang baharu bekerja. Huraikan pendapat anda tentang cara perbelanjaannya dan kemukakan cadangan anda untuk menambah baik cara perbelanjaannya itu.

**Bajet Asas bagi Individu yang Baharu Bekerja**

(Diubah suai daripada OnlineCollege.org, *Utusan Malaysia*, 16 Jun 2015)

**Bahagian B**

[100 markah]

*[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]*

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Remaja perlu melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran untuk mendepani pelbagai cabaran pada masa hadapan.  
Huraikan kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh remaja sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran era globalisasi.
2. Gaya hidup sihat mempengaruhi kejayaan seseorang dalam pelbagai aspek kehidupan.  
Jelaskan peranan ibu bapa untuk memastikan ahli keluarga mereka mengamalkan gaya hidup sihat.
3. Untuk menjadi negara maju, rakyat negara kita perlu celik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) namun, kemasukan TMK ke negara kita turut membawa pelbagai implikasi.  
Huraikan pernyataan tersebut.
4. Kebanjiran pendatang asing di beberapa buah negara dunia, menimbulkan pelbagai masalah.  
Bincangkan.
5. Peribahasa “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”, “hidup sandar-menyandar, bagai aur dengan tebing”, dan “serumpun bak serai” merupakan antara peribahasa Melayu yang membuktikan bahawa perpaduan atau semangat kerjasama amat penting dalam budaya kita.  
Huraikan kepentingan perpaduan atau semangat kerjasama dalam kalangan rakyat di negara kita.

**KERTAS SOALAN TAMAT**



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH  
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2015:  
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**Dua jam tiga puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan:**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas ini mengandungi **10** halaman bercetak

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian tulis satu rumusan tentang **punca-punca jenayah pemerdagangan manusia dan kesan-kesan daripada permasalahan ini**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Pemerdagangan manusia ialah masalah global yang kian meningkat jumlah kesnya sejak seabad yang lepas. Jenayah ini membabitkan perbuatan eksploitasi pada *skala yang besar* terhadap wanita, lelaki dewasa dan kanak-kanak dalam bentuk perhambaan moden. Mengikut laporan Amnesty International, pada tahun 2004 dianggarkan 700,000 orang diperdagangkan pada setiap tahun. Amat malang sekali kerana Malaysia dilihat sebagai tempat menarik oleh sindiket pemerdagangan manusia untuk menjalankan aktiviti mereka. Usaha kerajaan memerangi aktiviti pemerdagangan manusia berhadapan dengan pelbagai cabaran kerana isu ini merupakan jenayah rentas sempadan. Jenayah ini sukar dikesan kerana melibatkan banyak negara contohnya negara-negara yang berjiran dari segi kedudukan geografinya. Orang yang diperdagangkan direkrut oleh agensi-agensi pekerjaan secara sukarela mahupun secara paksa. Pada mulanya, mereka diperdagangkan kerana telah dijanjikan pekerjaan yang baik di negara yang menjadi destinasi. Mereka juga diyakinkan bahawa aktiviti ini tidak menyalahi peraturan.

Perkembangan ekonomi dan kemakmuran Malaysia menjadi tarikan utama kepada ramai warga asing dari seluruh dunia berhijrah ke negara kita. Kebanyakan mereka yang datang dari Indonesia, Bangladesh, Nepal dan Vietnam telah menjadi mangsa selepas dijanjikan pekerjaan dengan bayaran lumayan sedangkan semuanya palsu. Keadaan ini merencakkan aktiviti penyeludupan dan pemerdagangan manusia. Pada masa yang sama, kewujudan pusat hiburan yang beroperasi secara haram menyebabkan permintaan yang tinggi kepada aktiviti ini. Hal ini ditambah oleh, kedudukan Malaysia di tengah-tengah negara Asean yang menjadikannya antara lokasi strategik untuk aktiviti pemerdagangan manusia. Menyedari masalah itu, Akta Antipemerdagangan Orang 2007 telah diluluskan tetapi akta ini masih belum cukup kuat untuk menghalang jenayah ini. Selain itu, modus operandi sindiket yang membawa masuk mangsa sukar dikesan oleh pihak berkuasa disebabkan mereka memasuki Malaysia menggunakan pas lawatan sosial atau pas pelajar. Bukan hanya wanita, malahan lelaki dewasa turut diperdagangkan terutama untuk tujuan pengeksploitasian buruh. Kanak-kanak dan bayi juga mendapat permintaan yang tinggi bagi aktiviti meminta sedekah.

Selain itu juga, kesedaran dan kefahaman masyarakat Malaysia yang masih rendah tentang isu ini turut menjadi penyebab kepada permasalahan ini. Keuntungan lumayan yang diperoleh oleh sindiket dengan jumlah yang besar hasil daripada aktiviti pemerdagangan manusia juga menyebabkan kegiatan ini terus berleluasa. Kanak-kanak dan bayi diperdagangkan untuk dijadikan anak angkat kepada pasangan yang tidak mempunyai zuriat sendiri. Kemiskinan di negara asal membuatkan mangsa hilang pertimbangan kerana percaya akan janji-janji manis pihak sindiket. Penguatkuasaan undang-undang yang lemah seperti hukuman yang ringan turut menyebabkan kegiatan yang tidak bermoral ini terus berlaku. Kesimpulannya, sindiket pemerdagangan manusia dilihat semakin meruncing dari hari ke hari dan menggugat hak asasi manusia. Kerjasama masyarakat dunia diharap merupakan jalan terbaik bagi membendung jenayah ini daripada terus menjadi barah kepada masyarakat.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana, "Globalisasi dan Fenomena Pemerdagangan Manusia", [informasi-globalisasi.blogspot.com](http://informasi-globalisasi.blogspot.com), 22 Jun 2015, 9.50pm)

**Soalan 2 (a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1** di atas jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *skala yang besar*. [2 markah]
- (ii) Mengapakah wanita, lelaki dan kanak-kanak diperdagangkan? [3 markah]
- (iii) Jelaskan langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk mengawal aktiviti pemerdagangan manusia. [4 markah]

**Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen**

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Selesai saja subuh, ibu sudah berada di bumi. Kalau musim bersawah, di sawahlah. Kalau musim tetak mengkuang, di payalah. Kalau musim berderau di rumah kenduri atau bersama keluarga menziarahi mayat, ibu ada-ada saja kerjanya.

Begitulah Ceper pun, tetapi waktu malam Ceper cergas juga, malah terasa lebih cergas lagi kerana dari rumahku dapat juga kudengar ngauman Ceper, terutama sewaktu air pasang, kerana di hulu hujan turun dengan lebatnya.

Ibu tidak lagi cergas waktu malam kerana ibu tidur tergolek bagaikan batang pisang. Tetapi apabila saja tiba subuh, ibu sudah bangun dan bersedia menempuh apa saja ujian atau cabaran pada siang hari.

Sekali itu Ceper tiba-tiba mengamuk macam naik angin. Hujan turun di hulu tidak henti-henti dan airnya keruh macam air susu. Habis sampah sarap dipunggah bersama, menumbangkan pokok-pokok yang tegak di tepi-tepi tebingnya, memuntahkan tanah hingga terkobak rata-rata.

Airnya yang keruh likat itu terhimbau naik ke sawah-sawah yang sedang membunting sarat padinya. Pokok-pokok padi habis tenggelam dan mati begitu saja. Sudahlah sampah sarap yang diangkut bersama, bangkai-bangkai binatang pun banyak yang terlekat di tiang-tiang rumah kami.

Dipetik daripada cerpen  
'Ibu dan Ceper' oleh Shahnnon Ahmad  
dalam antologi *Harga Remaja*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Nyatakan kesan yang terjadi apabila hujan di hulu Sungai Ceper turun tidak berhenti-henti. [2 markah]
- (ii) Masalah banjir sering menjejaskan pendapatan para petani. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang wajar diambil untuk mengatasi masalah banjir di negara kita? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** latar masyarakat berdasarkan petikan cerpen dan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam keseluruhan cerpen ini. [4 markah]

**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka kata peri itu, “Hai cucuku, inilah tempat anak raja peri datang bermain-main dan seorang puteri terlalulah elok rupanya, dan namanya itu Tuan Puteri Seri Ratna Gemala Nehran dan nama ayahnya itu Maharaja Syah Tokan, dan beberapa tamannya yang indah-indah dan beberapa jambangan yang indah-indah dan beberapa jambangan daripada emas yang bertatah ratna pudi manikam yang merah.

Adapun Tuan Puteri Seri Ratna Gemala Nehran itu ada pengasuhnya bidadari tujuh orang dan tujuh lapis pagar jala-jala dan tujuh ekor binatang yang *menunggu dia* itu.

Demikianlah peri ayahnya memelihara anakanda baginda itu. Syahadan sejumlah sekali ia datang mandi ke tasik ini memungut bunga-bunga dan memetik segala buah-buahan. Sebermula nenekkulah yang menunggu akan tasik ini.”

Maka kata Inderaputera, "Wahai nenekku, bagaimana kiranya cucu hendak melihat akan tuan puteri itu?"

Maka ujar peri itu, "Jika cucuku lihat tuan puteri itu apa kehendak cucuku kerana tuan puteri itu sudah bertunangan sama anak raja peri juga dan namanya Raja Mengerna Lela Dewa."

Maka oleh Inderaputera, "Hai nenekku, sehingga melihat rupanya puteri itu juga!"

Maka peri itu pun tersenyum mendengar kata Inderaputera itu dan ujar peri itu, "Hai cucuku, ada suatu hikmat kepada tuan puteri itu!"

Maka ujar Inderaputera. "Hikmat apa kepada tuan puteri itu?"

Dipetik daripada “Dua Geliga Hikmat “  
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- i. Apakah maksud *menunggu dia* dalam petikan di atas?  
[2 markah]
- ii. Nyatakan keistimewaan-keistimewaan yang ada pada Tuan Puteri Seri Ratna Gemala Nehran.  
[3 markah]
- iii. Pada pendapat anda, mengapakah Inderaputera begitu bersungguh-sungguh mahu bertemu dengan Tuan Puteri Seri Ratna Gemala Nehran?  
[3 markah]



**Soalan 2 (d) Puisi**

*Baca sajak di bawah dengan teliti kemudian jawab soalan berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Pasar Perasaan**

ini pasar perasaan  
pada gerainya duduk penjual sentimental  
yang sering dikunjungi pembeli emosional.

ini pasar perasaan  
mereka memperdagangkan kata-kata  
yang terbit daripada kalbu  
bukan terbit daripada akal.

mereka memperdagangkan hujah  
yang rapuh dan lapuk  
bagai kayu buruk;  
yang mudah dipatahkan  
bagai ranting kering.

ini pasar perasaan  
di dalamnya mengalir sungai manusia  
yang menghilirkan suara kosong.

ini pasar perasaan  
yang memperdagangkan akal cetek  
dan tawar-menawar yang dangkal.

kumasuki pasar ini  
kususuri sungai sibuk ini  
di tengah-tengah penjual dan pembeli  
yang kaya dengan perasaan  
tetapi miskin dengan kebijaksanaan.

ini pasar tidak berakal  
yang diriuhan kekosongan.

**T. Alias Taib**

Antologi *Dirgahayu Bahasaku*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Apakah sifat-sifat yang ada pada diri si penjual dan si pembeli yang terdapat di pasar perasaan? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah yang berlaku jika sesuatu perkara itu dilakukan mengikut perasaan? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas. [4 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap pasangan perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah atau menukar imbuhan dan tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

- |       |           |   |           |
|-------|-----------|---|-----------|
| (i)   | meleret   | - | mengheret |
| (ii)  | perantau  | - | pemantau  |
| (iii) | pembakuan | - | pembekuan |

[6 markah]

(b) *Nyatakan jenis-jenis ayat perintah di bawah sama ada **ayat larangan, ayat permintaan, ayat suruhan, atau ayat silaan.***

- (i) Jangan pijak rumput di kawasan itu.
- (ii) Simpan wang demi masa depan kalian.
- (iii) Hantar kerja rumah yang telah disediakan kepada cikgu esok.
- (iv) Minta semua pelajar berdiri untuk menyanyikan Lagu Negaraku.
- (v) Sila basuh tangan anda bersih-bersih sebelum menjamah makanan.
- (vi) Tolong bersihkan kelas masing-masing sebelum kelas bermula pada setiap hari.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan.** Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Projek keretapi laju itu merupakan suatu usaha pihak kerajaan untuk memperkasa sektor pengangkutan negara kita supaya setanding dengan negara maju.
- (ii) Semua kegiatan ko-kurikulum yang diadakan oleh pihak sekolah sepanjang tahun itu telah dipamer di ruang legar bangunan Galeri Sejarah untuk tatapan umum.
- (iii) Di perkarangan rumahnya, Pak Cik Jamal telah membuka gerai yang menjual pelbagai jenis makanan termasuk sate, mee goreng, dan martabak untuk menambah hasil pendapatan.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Mereka yang kena tipu sebenarnya tidak cuai tetapi mereka tidak menyedari bahawa ada pihak yang sanggup mengambil kesempatan atas sifat baik hati mereka itu.
- (ii) Ketika tangkapan dilakukan, pemilik siber kafe itu mendakwa bahawa dia tidak tahu-menahu tentang kegiatan judi haram yang dilakukan oleh pelanggannya.
- (iii) Semua peserta pertandingan yang menepati syarat penyertaan telah dimaklumkan yang mereka perlu membuat bayaran pendaftaran secara dalam talian secepat mungkin.

[6 markah]

(e) *Bagi setiap peribahasa di bawah, namakan **satu** peribahasa lain yang membawa maksud yang sama dengan peribahasa tersebut.*

- (i) Alang-alang mandi biar basah
- (ii) Kalau tidak berada-ada, masakan tempua bersarang rendah
- (iii) Seekor kerbau membawa lumpur semuanya terpalit

[6 markah]

**Soalan 4: Novel**

[15 markah]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Papa... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
  - (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
  - (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah
  - (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
  - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
  - (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
  - (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
  - (viii) Sutura dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (a) Terdapat pelbagai masalah kehidupan yang ditonjolkan dalam novel yang anda pelajari. Berdasarkan **dua** masalah kehidupan dalam **sebuah** novel yang anda kaji, berikan komen anda tentang cara masalah tersebut diselesaikan.  
[7 markah]
- (b) Huraikan **satu** peristiwa yang menunjukkan wujudnya nilai kasih sayang antara watak berdasarkan **dua buah** novel yang anda kaji.  
[8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**



**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**

**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH  
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2015  
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 1**

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan

Peraturan pemarkahan ini mengandungi halaman bercetak.

## Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

[30 markah] KRITERIA

## PENSKORAN

| PERINGKAT        | MARKAH   | KRITERIA  |
|------------------|--|---|
| <b>Cemerlang</b> | 26 – 30<br><br>atas<br>(28 – 30)<br><br>(26 – 27)<br>bawah | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Penggunaan tanda baca betul dan tepat.</li> <li>○ Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan</li> <li>○ <b>tepat.</b></li> </ul> </li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <b>ungkapan yang menarik</b> (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan)</li> <li>• ☐ Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan <b>matang.</b></li> </ul> |
| <b>Kepujian</b>  | 20 – 25<br><br>atas<br>(23 – 25)<br><br>(20 – 22)<br>bawah | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi. Penggunaan kosa kata <b>luas.</b></li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</li> <li>• ☐ Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan <b>jelas.</b></li> </ul>  |

| PERINGKAT          | MARKAH   | KRITERIA  |
|--------------------|--|---|
| Memuaskan          | 15 – 19<br><br>atas<br>(17 – 19)<br><br>(15 – 16)<br>bawah | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat.</li> <li>• Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru.</li> <li>• Penggunaan kosa kata umum.</li> <li>• Wacananya <b>masih</b> lengkap. Unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b>masih</b> relevan dengan tema bahan rangsangan.</li> <li>• Huraian idea <b>masih</b> jelas.</li> </ul>  |
| Kurang memuaskan   | 10 – 14<br><br>atas<br>(12 – 14)<br><br>(10 – 11)<br>bawah | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>kurang</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat. <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat <b>kesalahan ejaan yang ketara</b>. Penggunaan kosa kata <b>terhad</b>.</li> </ul> </li> <li>• Wacana <b>kurang</b> lengkap. Unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b>kurang relevan</b> dengan tema bahan rangsangan <ul style="list-style-type: none"> <li>○ huraianya <b>kurang jelas</b>.</li> </ul> </li> </ul> |
| Pencapaian Minimum | 01 – 09<br><br>atas<br>(06 – 09)<br><br>(01 – 05)<br>bawah | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>• <b>Banyak</b> kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li> <li>• □ Idea <b>tidak</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> </ul>  |

**\*Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud al-Quran dan lain-lain.**



**Bahagian B: Karangan Respons Terbuka****[100 markah]****PERINCIAN PEMARKAHAN****Cara Pemeriksaan**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
  - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
  - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. **Kesalahan format** hendaklah ditolak **maksimum 2 markah**.
4. **Kesalahan ejaan** hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah dan pemotongan **maksimum 3 markah**. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

( ) = Kesalahan isi

— = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

**KRITERIA**

| <b>KRITERIA</b>               | <b>DESKRIPSI</b>  |
|-------------------------------|---|
| <b>1. BAHASA</b><br>(Mekanis) | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Kegramatisan:               <ul style="list-style-type: none"> <li>- kata (morfologi)</li> <li>- ayat (sintaksis)</li> </ul> </li> <li>● Tanda baca</li> </ul> |
| <b>2. LARAS</b><br>(Dinamis)  | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Pemilihan kosa kata</li> </ul>   |
| <b>3. IDEA (ISI)</b>          | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Tema</li> <li>● Isi utama</li> <li>● Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh)</li> <li>● Kerelevanan</li> </ul>  |
| <b>4. PENGOLAHAN</b>          | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Wacana</li> <li>● Logik</li> <li>● Pemerenggan</li> <li>● Format</li> </ul>  |
| <b>5. GAYA BAHASA</b>         | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Keindahan bahasa</li> <li>● Ungkapan</li> <li>● Peribahasa</li> </ul>  |

**KRITERIA  
PENSKORAN**

| PERINGKAT        | MARKAH   | KRITERIA   |
|------------------|--|--|
| <b>CEMERLANG</b> | <b>80 – 100</b><br><br>(90 – 100)<br><br>(80 – 89) | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang luas dan tepat.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul</li> <li>• Laras bahasa sesuai dengan tugas</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat</li> <li>• <b>Idea relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai</li> <li>• <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b></li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>   |
| <b>KEPUJIAN</b>  | <b>66 – 79</b><br><br>(73 – 79)<br><br>(66 – 72)   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang tepat.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum</b></li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugas.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat</li> <li>• <b>Idea relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, diserta dengan contoh yang sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa masih</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul> |

| PERINGKAT | MARKAH    | KRITERIA   |
|-----------|-----------|--|
| BAIK      | 51 - 65   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>ayat majmuk</b> gramatis tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum.</b></li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> masih betul.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai mengikut tugasan.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> umum.</li> <li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugasan, huraian isi <b>masih</b> jelas dan contoh <b>masih</b> sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan masih</b> menarik, dan pemerenggan <b>masih</b> sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> masih lengkap</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi.</b></li> <li>• <b>Gaya bahasa kurang menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang berkesan.</b></li> </ul> |
|           | (58 – 65) |  |
|           | (51 – 57) |  |
| MEMUASKAN | 36 – 50   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> terhad.</li> <li>• Ayat <b>kurang gramatis.</b></li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum.</b></li> <li>• <b>Laras bahasa</b> kurang sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> umum dan terhad.</li> <li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugasan, huraian isi <b>kurang</b> jelas dan contoh <b>kurang</b> sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> kurang menarik, pemerenggan <b>kurang</b> sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> masih / kurang lengkap</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa</b> kurang bervariasi.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang berkesan.</b></li> </ul>       |
|           | (43 – 50) |  |
|           | (36 – 42) |  |

| PERINGKAT          | MARKAH                            | KRITERIA   |
|--------------------|-----------------------------------|--|
| KURANG MEMUASKAN   | 21 – 35<br>(28 – 35)<br>(21 – 27) | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b><u>kata</u></b> kurang tepat.</li> <li>• Ayat <b><u>tidak gramatis</u></b> tetapi <b>masih difahami</b>.</li> <li>• Terdapat <b><u>kesalahan ejaan dan tanda baca</u></b> yang ketara.</li> <li>• <b><u>Idea masih relevan / idea bercampur aduk</u></b> dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan <b><u>contoh tidak sesuai</u></b>.</li> <li>• <b><u>Pengolahan</u></b> tidak menarik.</li> <li>• <b><u>Wacana</u></b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</li> <li>• <b><u>Unsur bahasa</u></b> tidak bervariasi.</li> <li>• <b><u>Gaya bahasa</u></b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>lemah</b>.</li> </ul>       |
| PENCAPAIAN MINIMUM | 01 – 20<br>(11 – 20)<br>(01 – 10) | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keseluruhan menunjukkan penggunaan <b><u>kata</u></b> dan <b><u>ayat</u></b> yang <b>tidak gramatis</b>.</li> <li>• Kesalahan <b><u>ejaan</u></b> dan <b><u>tanda baca</u></b> yang ketara.</li> <li>• <b><u>Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/</u></b> tidak berkembang dan <b><u>contoh tidak sesuai</u></b>.</li> <li>• <b><u>Pengolahan</u></b> tidak menarik.</li> <li>• <b><u>Wacana</u></b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li> <li>• <b><u>Gaya bahasa</u></b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.</li> <li>• Keseluruhan karangan <b>sukar / tidak difahami</b>.</li> </ul> |

**Cara menulis**

|        |   |                  |                      |                 |   |                  |
|--------|---|------------------|----------------------|-----------------|---|------------------|
| K      | - | Peringkat markah | <b><u>Contoh</u></b> | K               | - | 75               |
| - E    | - | Mak 3 markah     |                      | - E             | - | 03               |
| - F    | - | Mak 2 markah     |                      | - F             | - | 02               |
| Jumlah | - | Markah bersih    |                      | <b><u>J</u></b> | - | <b><u>70</u></b> |

**BAHAGIAN A**

Karangan berdasarkan bahan rangsangan:

Cadangan Jawapan:

-Calon dapat mengemukakan pendapat/komen tentang cara perbelanjaan dan mengemukakan cadangan untuk menambah baik perbelanjaan tersebut .

-Calon perlu menghuraikan/memberikan komen tentang sekurang-kurangnya dua cara perbelanjaan dan sekurang-kurangnya satu cadangan untuk menambah baik perbelanjaan tersebut.

-Sekiranya calon hanya mengemukakan satu cadangan isi sahaja, markah maksimum hanya pada peringkat memuaskan.

-Jika calon hanya mengemukakan komen tentang cara perbelanjaan sahaja tanpa memberikan cadangan untuk menambah baik perbelanjaan, markah maksimum hanya pada peringkat memuaskan sahaja.

**BAHAGIAN B**

Soalan 1

Format : Tiada

Cadangan idea:

- Diharapkan calon dapat menghuraikan kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh remaja sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran era globalisasi. Antara kemahiran yang perlu dikuasai:

- a)Kemahiran Komunikasi
- b)Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- c)Kemahiran Berbahasa
- d)Kemahiran Insaniah
- e)Kemahiran Berfikir dan Menyelesaikan Masalah
- f)Kemahiran Interpersonal dan Arah Kendiri

Soalan 2

Format: Tiada

Cadangan idea:

- Calon diharapkan dapat menulis peranan ibu bapa sahaja untuk memastikan ahli keluarga mereka mengamalkan gaya hidup sihat.

-Sekiranya calon menyentuh peranan pihak lain selain ibu bapa (adik- beradik, datuk, nenek) dan bahasa baik, hanya layak diberi peringkat kepujian atas.

\*Catatan:

-Huraian gaya hidup sihat merangkumi semua aspek kehidupan seperti fizikal, emosi, spiritual, mental pergaulan, nilai murni dan sebagainya.

### Soalan 3

Format: Tiada

Cadangan idea:

- Calon diharapkan dapat menghuraikan kesan baik dan kesan buruk TMK.

-Kesan baik TMK:

- a)Menjadikan masyarakat supaya lebih bermaklumat
- b)Menjimatkan masa
- c)Mengurangkan jurang budaya
- d)Mencipta peluang pekerjaan baru
- e)Proses komunikasi lebih murah, cepat dan efisien.
- f)Urusan perniagaan lebih efektif
- g)Meningkatkan kualiti dan produktiviti keluaran industri
- h)Mengeratkan hubungan antara rakyat Malaysia

-Kesan buruk TMK:

- a)Pengaruh budaya asing
- b)Menjejaskan kesihatan
- c)Salah guna oleh pihak tertentu – fitnah dsb
- d)Menerapkan amalan negatif

### Soalan 4

Format: Tiada

Cadangan idea:

-Calon diharapkan dapat membincangkan **sekurang-kurangnya dua daripada aspek yang berikut:**

1. Punca-punca banjir
2. Kesan buruk
3. Cara mengatasi
4. Kesan baik

Jika jawapan hanya berfokus kepada satu aspek sahaja dan bahasa baik, markah maksimum peringkat baik - 65 markah

## Soalan 5

Format: Tiada

Cadangan idea:

- Diharapkan calon dapat menghuraikan kepentingan perpaduan atau semangat kerjasama dalam kalangan rakyat di negara kita.
- Jika calon hanya menyentuh aspek perpaduan secara umum, maksimum peringkat baik sahaja,

Antara kepentingan perpaduan:

- a)Mewujudkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera
- b)Menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka
- c)Membangunkan ekonomi negara
- d)Mewujudkan masyarakat yang saling menghormati
- e)Meningkatkan kadar pelancong asing ke Malaysia

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**





KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH  
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2015  
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan, Kementerian Pelajaran Malaysia**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

**Markah penuh: 110 markah**

**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - 20 markah
- (b) Bahasa - 10 markah

- (a) **Isi** [20 markah]

**Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan  
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
  - nama khas
  - perkataan berulang
  - penggunaan kata sendi di dan ke
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
  - gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

| <b>Bahagian</b>          | <b>Markah</b>        |    |    |   |   |   |    |    |    |           | <b>Markah</b> |
|--------------------------|----------------------|----|----|---|---|---|----|----|----|-----------|---------------|
| (i) Pendahuluan          |                      |    |    |   |   |   |    |    |    |           | <b>2</b>      |
| (ii) Isi Tersurat        | 4                    | 5  | 6  | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | <b>16</b> |               |
| (iii) Isi Tersirat       | 12                   | 11 | 10 | 9 | 8 | 7 | 6  | 5  | 4  |           |               |
| (iv) Penutup/ Kesimpulan |                      |    |    |   |   |   |    |    |    |           | <b>2</b>      |
|                          | <b>Jumlah Markah</b> |    |    |   |   |   |    |    |    |           | <b>20</b>     |

**Soalan 1: Rumusan  
(30 markah)**

**Pendahuluan [2 markah]**

- P1** Petikan membincangkan faktor-faktor/sebab-sebab/ yang mendorong jenayah pemerdagangan manusia di Malaysia/di negara ini. **2**
- P2** Rumusan membincangkan faktor-faktor/sebab-sebab/ yang mendorong jenayah pemerdagangan manusia dan kesan-kesan daripada permasalahan ini **2**
- P3** Petikan membincangkan faktor-faktor/punca-punca/ yang mendorong jenayah pemerdagangan manusia. **1**
- Isi Tersurat** (punca-punca yang mendorong jenayah pemerdagangan manusia)
- S1** jenayah ini sukar dikesan kerana melibatkan banyak negara **2**
- S2** perkembangan ekonomi dan kemakmuran Malaysia menjadi tarikan utama **2**
- S3** kewujudan pusat hiburan beroperasi secara haram **2**
- S4** kewujudan pusat hiburan yang beroperasi secara haram **\*(mesti ayat yang lengkap)** **0**
- S5** kedudukan Malaysia di tengah-tengah negara Asean, menjadikannya antara lokasi strategik **2**
- S6** memasuki Malaysia menggunakan pas lawatan lawatan sosial atau pas pelajar **2**
- S7** keuntungan lumayan diperoleh oleh sindiket **\*(mesti ayat lengkap)** **0**
- S8** kemiskinan di negara asal merupakan salah satu satu punca **2**
- S9** penguatkuasaan undang-undang lemah **2**

**Tersirat** (kesan-kesan jenayah pemerdagangan manusia)

- T1** mencemarkan imej negara di mata dunia **2**
- T2** mengancam keselamatan dan keamanan negara **2**
- T3** menjejaskan hubungan diplomatik antara negara **2**
- T4** peningkatan masalah sosial – penularan penyakit berjangkit dsb **2**
- T5** masyarakat hidup dalam kerisauan–(risau anak diculik dsb (Terima isi –isi yang relevan)

**Penutup**

**2 markah**

- Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama menangani masalah pemerdagangan manusia agar masyarakat dunia/global/sejagat dapat hidup sejahtera/harmonis **2**

## Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

| Peringkat | Markah Isi         | Markah Bahasa   | Huraian  |
|-----------|--------------------|-----------------|--|
| Baik      | 18 – 20<br>15 – 17 | 9 – 10<br>7 – 9 | - Kesenambungan isi baik<br>- Struktur ayat/ tatabahasa baik<br>- Kosa kata luas<br>- Tanda bacaan/ ejaan betul                                      |
| Sederhana | 12 – 14<br>8 – 11  | 6 – 7<br>4 – 6  | - Kesenambungan isi masih baik<br>- Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan<br>- Kosa kata masih memuaskan<br>- Tanda bacaan/ ejaan juga memuaskan |
| Lemah     | 1 - 7              | 1 - 4           | - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/<br>tidak memuaskan   |

### Nota

Jika bahasanya agak baik, tambah 1 markah lagi.

Jika bahasanya kurang memuaskan tolak 1 markah.

Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan 0 markah.

Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah tidak dipotong.

[Markah bahasa maksimum : 10 markah]

## Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

### Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/ sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

### Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

#### 1. Soalan 2 markah

| DESKRIPSI   | MARKAH |
|---|--------|
| - Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup dan ayat gramatis | 2      |
| - Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup                       | 1      |
| - Jawapan tidak tepat/ salah                                  | 0      |

#### 2. Soalan 3 markah

| DESKRIPSI   | MARKAH |
|---|--------|
| - Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis | 3      |
| - Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis.   | 2      |
| - Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis          |        |
| - Isi tidak cukup/ kurang lengkap dan ayat kurang gramatis      | 1      |
| - Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis    | 0      |

3. Soalan 4 markah

| DESKRIPSI   | MARKAH |
|---|--------|
| - Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis | 4      |
| - Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis.   | 3      |
| - Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis    | 2      |
| - Isi tidak cukup/ kurang lengkap dan ayat kurang gramatis      | 1      |
| - Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis    | 0      |

**Soalan 2 (a) Petikan Umum**

(i) Maksud rangkai kata *skala yang besar*

- nisbah/kadar yang banyak

**[maksimum 2 markah]**

(ii) Tujuan-tujuan aktiviti pemerdagangan manusia:

- buruh paksa
- dijanjikan pekerjaan yang baik/pengeksploitasian buruh
- aktiviti meminta sedekah
- dijadikan anak angkat kepada pasangan yang tidak mempunyai zuriat sendiri.

**(isi cukup 3 isi)**

**[maksimum 3 markah]**

(iii) Langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk membantu mengawal aktiviti pemerdagangan manusia:

- menguatkuasakan undang-undang berkaitan jenayah pemerdagangan manusia
- (Akta Perlindungan Mangsa Penyeludupan dan Keganasan 2000 Akta Antipermerdagangan Orang 2007)
- Kerajaan memperketat kemasukan pelancong asing
- Kerajaan mengawal pintu masuk sempadan dengan lebih teliti
- penguatkuasaan yang bersepadu antara kementerian (Kementerian Pelancongan dan Kementerian Dalam Negeri) dengan media massa meningkatkan kesedaran orang ramai tentang jenayah ini melalui kempen-kempen khas

- Kerajaan mewujudkan Pelan Tindakan Nasional (NAP) di bawah Majlis Anti-Pemerdagangan Orang (MAPO)
- Kerajaan juga perlu menyediakan tempat perlindungan yang selesa untuk mangsa-mangsa jenayah ini supaya mereka berasa lebih selamat dan terkawal
- Ibu bapa memberikan didikan agama yang mantap
- masyarakat membuat laporan kepada pihak berkuasa jika ada jenayah ini.

(isi cukup 2 )

[Maksimum: 4 markah ]

**Soalan 2 (b) - Petikan Cerpen**

(i) Kesan yang terjadi apabila hujan tidak berhenti-henti :

- Air sungai menjadi keruh macam air susu.
- Sampah sarap dipungkah bersama.
- Menumbangkan pokok-pokok yang tegak di tepi-tepi tebingnya.
- memuntahkan tanah hingga terkobak rata-rata.
- Air sungainya yang keruh likat itu terhimbau naik ke sawah-sawah yang sedang membunting sarat padinya.
- Pokok-pokok padi habis tenggelam dan mati begitu sahaja.
- Bangkai-bangkai binatang pun banyak yang terlekat di tiang-tiang rumah.

(Isi cukup- 2)

[maksimum 2 markah]

(ii) Cara-cara mengatasi banjir di negara kita:

- Pihak berwajib /Jabatan Parit dan Saliran (JPS)/ Majlis Perbandaran/Orang kampung / perlu memperdalam dasar sungai/ parit.
- Orang ramai perlu mengelakkan diri daripada membuang sampah ke dalam sungai/ parit/ longkang.
- Orang ramai tidak menyalurkan sisa kumbahan/ najis ke dalam sungai.
- Pihak pemaju perumahan sepatutnya merancang pembangunan secara sistematik
- Longkang yang dibina sepatutnya luas dan serta mampu menampung jumlah air yang banyak pada masa banjir.
- Kawasan tadahan hujan di lokasi tanah tinggi sepatutnya dipelihara dengan baik.
- Kegiatan pembalakan dan pertanian perlu dikawal agar pokok yang boleh menapis air hujan sebelum jatuh ke tanah dan diserap masuk dengan perlahan dan terus menemui aras air bumi semula jadi.
- Kegiatan pembalakan dan pertanian di kawasan tanah tinggi juga perlu dikawal.
- Orang ramai perlu mengadakan gotong-royong untuk membersihkan sampah sarap yang terdapat di dalam sungai.

(Isi cukup 2)

[ Maksimum 3 markah]

iii) **Satu latar masyarakat berdasarkan petikan cerpen**

- **Masyarakat yang rajin bekerja.** (1+1)  
Contoh: Selesai saja subuh, ibu akan ke sawah/ menetak mengkuang di paya.
- **Masyarakat yang saling membantu/masyarakat yang bekerjasama.**  
Contoh: Ibu akan berderau di rumah kenduri atau menziarahi mayat.
- **Masyarakat yang gigih bekerja.** (1+1)  
Contoh: ibu tidak lagi cergas pada waktu malam akibat dia terlalu penat bekerja pada waktu siang.
- **Masyarakat yang tabah.** (1+1)  
Contoh: ibu bangun awal pada waktu subuh dan bersedia menempuh apa-apa ujian atau cabaran pada siang hari.

**Satu latar masyarakat berdasarkan keseluruhan cerpen.**

- **Masyarakat yang menghadapi kepayahan hidup.** (1+1)  
Penduduk di desa aku mengalami kesempitan hidup apabila Sungai Ceper melimpah kerana banjir dan airnya kering sehingga tidak dapat mengairi sawah ketika musim kemarau.
- **Masyarakat yang tidak bertanggungjawab** (1+1)  
Bapa sanggup menghabiskan masa mendenak burung ketitir di rimba sehingga mengabaikan tanggungjawab terhadap keluarga.
- **Masyarakat yang bertanggungjawab** (1+1)  
Aku dan isteri membantu menguruskan ibu yang lumpuh dan tidak dapat bergerak lagi dan mengambil alih kerja-kerja sawah.
- **Masyarakat yang cinta akan alam sekitar** (1+1)  
Ibu sangat sayang akan sungai yang menjadi sumber air dan rezeki di kampungnya
- **Masyarakat yang mencemarkan sungai.** (1+1)  
Sikap masyarakat yang tiada tanggungjawab menjaga sungai yang telah menjadi sumber rezeki kepada penduduk kampung

(Isi cukup 2)

[ Maksimum 4 markah]



**Soalan 2(c) : Petikan Prosa Tradisional**

(i) **Maksud rangkai kata *menunggu dia* ialah:**

- menjaganya / mengawasinya / melindunginya / mengawalanya [2 markah]
- menjaga Tuan Puteri Seri Ratna Gemala Nehran (sebut nama) [0 markah]

(ii) **Keistimewaan-keistimewaan yang ada pada Tuan Puteri Seri Ratna Gemala Nehran:**

- terlalu elok rupanya
- mempunyai beberapa taman yang indah-indah/ beberapa jambangan yang indah-indah / beberapa jambangan daripada emas yang bertatah ratna pudi manikam yang merah.
- Mempunyai tujuh orang bida dari sebagai pengasuh
- dilindungi oleh tujuh lapis pagar jala-jala
- diawasi / dikawal oleh tujuh ekor binatang
- mempunyai suatu hikmat

**(Isi cukup – 3)**

**[ maksimum 3 markah]**

(iii) **Inderaputera begitu bersungguh-sungguh mahu bertemu dengan Tuan Puteri Seri Ratna Gemala Nehran kerana:**

- terpikat akan tuan puteri /teruja berdasarkan cerita yang disampaikan oleh nenek
- mahu memikat tuan puteri kerana tuan puteri mempunyai banyak keistimewaan
- kagum akan kehebatan tuan puteri dan ingin melihat wajah orang yang berkenaan
- ingin memiliki hikmat yang ada pada tuan puteri.

**(Isi cukup : 2)**

**[ Maksimum 3 markah]**

**Soalan 2(d) : Pemahaman Puisi Moden/Sajak**

(i) Sifat-sifat yang ada pada diri si penjual dan si pembeli yang terdapat di pasar perasaan:

- penjual sentimental
- pembeli emosional
- memperdagangkan kata-kata yang terbit daripada kalbu
- memperdagangkan hujah yang rapuh dan lapuk
- memperdagangkan akal cetek
- kaya dengan perasaan
- miskin dengan kebijaksanaan

**(Isi cukup: 2 )**

**[maksimum: 3 markah]**

(ii) Jika sesuatu perkara itu dilakukan mengikut perasaan:

- keputusan yang dibuat tidak rasional
- tidak dapat membuat pertimbangan yang wajar
- mewujudkan perbalahan/pergaduhan/persengketaan
- menyinggung perasaan orang lain
- hasil kerja tidak memuaskan/ tidak menepati standard

**(Isi cukup: 2 isi)**

**[maksimum: 3 markah]**

(iii) Dua pengajaran yang terdapat dalam sajak :

- Kita hendaklah berani mengemukakan pendapat dengan hujah yang bernas **agar pendapat kita akan diterima oleh orang lain dengan sebaik-baiknya.** (1+1)
- Kita hendaklah sentiasa berhati-hati semasa berkata-kata **agar tidak keterlaluan sehingga menyinggung perasaan orang lain.** (1+1)
- Kita hendaklah menjaga adab sopan semasa berhujah **agar dapat memelihara hubungan silaturahmi.** (1+1)
- Kita hendaklah berfikir dengan rasional **untuk membolehkan keputusan yang terbaik dapat dibuat.**

**(Isi cukup: 2 )**

**[maksimum: 4 markah]**

### Soalan 3

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : 6 markah

Soalan 3(b) : 6 markah

Soalan 3(c) : 6 markah

Soalan 3(d) : 6 markah

Soalan 3(e) : 6 markah

#### Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
4. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
5. Jika kedua-dua perkataan dibina dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
6. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
7. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
8. Isi tidak jelas, tolak ½ markah.

#### Jawapan 3(a)

(a) Bina ayat berdasarkan pasangan kata

- i) **Meleret:** panjang sungguh (tali kain dll), labuh sangat (pakaian), berpanjang-panjang (perbualan, cerita dll), berjangkit-jangkit, memanjang/melebar (senyuman).  
**Mengheret:** menarik (dengan paksa), menghela (dengan kuat), menyeret, membawa seseorang ke sesuatu tempat, memikat hati orang (untuk mendapatkan harta benda dll), memperdaya/menipu
- ii) **Perantau:** pengembara, orang asing, kelana, orang yang pergi ke negeri lain, orang yang mencari penghidupan di negeri lain (negeri orang)  
**Pemantau:** orang/pihak yang memantau sesuatu, alat untuk memantau
- iii) **Pembakuan:** usaha (tindakan, proses) membakukan (menstandardkan) cth bahasa, ejaan dll  
**Pembekuan:** perihal/perbuatan membeku(kan) cth air

**Nota:** jika calon hanya membina satu ayat sahaja daripada pasangan kata = 0 markah kerana calon tidak dapat membezakan makna kedua-duanya.

(b) Jenis Ayat :

- i) ayat larangan
- ii) ayat suruhan
- iii) ayat suruhan
- iv) ayat permintaan
- v) ayat silaan
- vi) ayat permintaan

(c) Kesalahan imbuhan dan ejaan

- (i) keretapi = kereta api  
memperkasa = memperkasakan
- (ii) ko-kurikulum = kokurikulum  
dipamer = dipamerkan
- (iii) perkarangan = pekarangan  
mee = mi

(d) Kesalahan bahasa dan istilah

- (i) tidak cuai = bukan cuai  
sifat = sikap
- (ii) tangkapan = serbuan  
siber kafe = kafe siber
- (iii) menepati = memenuhi  
yang = bahawa

(e) Peribahasa

- (i) Alang-alang mandi biar basah = alang-alang berdakwat biar hitam/alang-alang berminyak biar licin

**Nota:** alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan (**X**)

- (ii) Kalau tidak berada-ada masakan tempua bersarang rendah = kalau tiada angin masakan pohon bergoyang
- (iii) Seekor kerbau membawa lumpur semuanya terpalit = kerana nila setitik rosak susu sebelanga

**Soalan 4(a)**

Masalah + Penyelesaian = 1 markah

Komen = 1 markah

Isi = 4 markah

Bahasa = 3 markah

Jumlah = 7 markah

**Novel Papa... (akhirnya kau tewas jua!)**

| Masalah  | Penyelesaian  | Huraian (Komen)   |
|--|---|---|
| Masalah kesihatan Intan Maliana. Intan Maliana koma akibat komplikasi selepas melahirkan anak kembarnya.   | Intan Julia dan Papa/ Jefri secara bergilir-gilir menjaga Mama/ Intan Maliana yang koma untuk melihat Mama/ Intan Maliana pulih kembali.                | Komen: Papa dan Intan Julia perlu menjaga Mama dengan baik selepas Mama berkorban untuk mengandung lagi demi melaksanakan hasrat papa/ Jefri. |
| Masalah Mak Cik Noraini yang tiada tempat berteduh. Mak Cik Noraini yang bersepupu dengan Papa/ Jefri kehilangan tempat bergantung dan menjadi sebatang kara selepas kematian suaminya dalam kemalangan bersama-sama dengan dua orang anaknya. | Papa/ Jefri membawa Mak Cik Noraini tinggal bersama-sama dengan keluarganya dan menjadi pembantu rumahnya agar dia dapat melupakan peristiwa buruk itu. | Komen: Papa harus menjaga Mak Cik Noraini selepas dia kehilangan keluarganya agar dia mempunyai tempat untuk berlindung.                      |
| Masalah bayi yang dibuang oleh ibu yang tidak  | Rasylan diselamatkan lalu diserahkan kepada Jabatan   | Komen: Bayi yang tidak berdaya seperti Rasylan harus  |

|  |  |  |
|--|--|--|
| bertanggungjawab. Rasydan, seorang anak luar nikah, ketika bayi ditinggalkan oleh ibunya di tepi longkang.         | Kebajikan Masyarakat sebelum diambil oleh Datuk Mustakim untuk dijadikan anak angkat.  | diselamatkan oleh pihak yang bertanggungjawab dan masyarakat supaya nasib mereka lebih terbelah. |
| Masalah Julia dengan Papa. Julia menentang hasrat Papa yang ingin berkahwin dengan Aisyah sewaktu Mama masih koma. | Akhirnya Julia menerima keputusan Papa yang mahu berkahwin lagi kerana memikirkan Papa yang hidup sunyi selepas Mama koma selama tiga tahun. | Komen: Julia patut merestui keinginan papanya yang inginkan teman sejak Mama sakit.              |

### Novel Azfa Hanani

| Masalah  | Penyelesaian  | Huraian (Komen)   |
|--|---|---|
| Masalah Datin Maziah yang tidak mengetahui anaknya, Tengku Murni telag meninggal dunia. Datin Maziah tersedar daripada koma selepas kehilangan anak kesayangannya, Tengku Murni dalam kemalangan jalan raya. | Anak Datin Maziah, Tengku Mazran dan isterinya, Syafinaz memujuk Azfa Hanani agar menyamar sebagai Tengku Murni kerana dia memiliki wajah seiras dengan Tengku Murni untuk memulihkan ibunya, Datin Maziah. | Komen: Tengku Mazran, Syafinaz dan Azfa Hanani harus berusaha membantu Datin Maziah agar dapat memulihkan keadaan dan Datin Maziah yang masih belum dapat menerima hakikat kehilangan Tengku Murni. |
| Masalah kemiskinan bapa saudara Azfa, pak long. Sepupunya, Zuraini yang lumpuh memerlukan kos yang tinggi untuk mendapatkan rawatan.   | Azfa menyamar sebagai Tengku Murni selepas dijanjikan sejumlah wang oleh Tengku Mazran bagi membantu ibunya Datin Maziah yang tidak dapat menerima kehilangan anaknya.                                      | Komen: Azfa perlu membantu pak longnya untuk membalas jasa pak longnya yang telah menjaganya sejak dia kehilangan ibu bapanya.  |
| Masalah Azfa Hanani yang dihalau keluar dari rumah Datin Maziah selepas rahsia penyamarannya terbogkar.  | Azfa Hanani dihantar oleh Tengku Muzaffar ke rumah Tengku Ellina dan kemudian pulang ke kampung.  | Komen: Azfa Hanani harus bertindak pulang ke kampung untuk menenangkan perasaan Datin Maziah yang tidak percaya Tengku Murni telah mati.  |

## Novel Renyah

| Masalah  | Penyelesaian  | Huraian (Komen)  |
|--|---|--|
| Masalah Datuk Dolhi yang berhadapan dengan pelbagai masalah anak-anaknya dan tidak mahu membantunya dalam perniagaan.  | Datuk Dolhi mengambil keputusan untuk berehat di Jepun selama seminggu untuk berehat daripada memikirkan masalah anak-anaknya.                          | Komen: Datuk Dolhi memang perlu berehat bagi melepaskan tekanan dan sebaik-baiknya dia mengambil langkah menasihati anak-anaknya agar mereka tidak terjebak dengan pelbagai masalah. |
| Datuk Dolhi menghadapi masalah dengan Ilham yang diburu oleh pihak berkuasa dan sekarang berada di Perancis kerana dia terlibat dalam kegiatan dakwah jemaahnya. | Datuk Dolhi enggan membantu Ilham kerana mahu dia menjadikannya pengalaman sebagai pengajaran.  | Komen: Datuk Dolhi sepatutnya membantu Ilham agar dia kembali ke pangkal jalan dan dapat menjalani kehidupan yang normal.  |
| Datuk Dolhi menghadapi masalah anaknya, Hasnol, seorang pegawai kerajaan yang berhadapan dengan kes rasuah sehingga beliau terkena tempiasnya.                   | Hasnol yang berada di London menghubungi ibunya, Datin Tominah menyatakan kekesalannya. Beliau mahu Hasnol pulang dan melawan kes tersebut di mahkamah. | Komen: Ibu bapa Hasnol harus memberikan sokongan moral kepada Hasnol agar dia dapat mengatasi masalahnya dan mempertahankan dirinya jika dia tidak bersalah.                         |

## Novel Konserto Terakhir

| Masalah   | Penyelesaian   | Huraian (Komen)   |
|---|--|---|
| Masalah Hilmi dengan Datin Salmah yang sering menghina dan memandang rendah pada statusnya yang berasal dari kampung. | Hilmi bersabar dan terus menjalankan tugasnya sebagai tukang kebun di rumah Dato' Johari tanpa menghiraukan penghinaan Datin Salmah. | Komen: Hilmi harus bersabar kerana dia ingin mencari nafkah untuk menyara dirinya. Dia tidak dapat mencari pekerjaan lain kerana dia tidak berpelajaran tinggi. |
| Masalah Hilmi yang telah merosakkan piano kepunyaan Hayati semasa Dato' Johari  | Hilmi bersetuju gajinya dipotong untuk membayar kos membaiki piano Hayati seperti yang   | Komen: Hilmi perlu bertanggungjawab atas tindakannya yang telah   |

|  |  |   |
|--|--|---|
| bercuti ke luar negara.  | diarahkan oleh Datin Salmah.   | merosakkan piano Hayati.  |
| Masalah Hilmi yang jatuh sakit sebelum persembahan Orkes Perdana menyebabkan kemungkinan Orkes Perdana dibatalkan. | Hayati yang berada di Dewan Tuanku Canselor telah bersetuju untuk mengambil alih tempat Hilmi memimpin Orkes Perdana kerana pihak penganjur tidak dapat mencari pengganti Hilmi. | Komen: Hayati harus menggantikan tempat Hilmi kerana dia berkelulusan ijazah muzik dari London untuk meneruskan persembahan tersebut. |

### MELUNAS RINDU

| MASALAH +<br>CARA PENYELESAIAN = 1m   |   | KOMEN = 1 markah   |
|---|---|--|
| <b>Masalah Peribadi</b><br>Fuad diberitahu bahawa ibunya sudah meninggal dunia tetapi tidak tahu dapat mengesan kuburnya  | Mencari petunjuk dengan bertanya kepada ramai orang yang mengenali keluarga arwah ibunya  | Anak yang mengenang budi/anak yang baik/gigih/anak yang sayang akan ibu  |
| <b>Masalah Percintaan</b><br>Fuad dan Farhana yang saling menyayangi berasa terkejut dan kecewa apabila mengetahui bahawa mereka adik-beradik                   | Reda dengan ketentuan Allah/ mengetepikan rasa kasih antara pasangan kekasih dan menukarkannya kepada rasa kasih sayang antara adik-beradik       | Hanya orang yang benar-benar teguh imannya yang akan menerima ketentuan takdir seperti itu.                                  |
| <b>Konflik dengan Mak Salmah</b><br>Mak Salmah enggan memaafkan Fuad/Joshua kerana telah mengangap Fuadlah yang menyebabkan kematian Sofia iaitu anak angkatnya | Fuad pergi ke rumah Mak Salmah, memohon maaf daripada Mak Salmah dan suaminya serta meminta izin untuk tinggal di situ sebagai anak angkat mereka | Tindakan Fuad sungguh berani / Fuad bertanggungjawab kerana sanggup berhadapan dengan masalah yang berpunca daripada dirinya |

### KABUS DI PERBUKITAN

| MASALAH +<br>CARA PENYELESAIAN = 1m                    |  | KOMEN = 1 markah                             |
|--|--|--|
| <b>Masalah Dalaman</b><br>Faridah kecewa dan kesunyian | Faridah menerima tawaran untuk belajar di New Zealand/ | Faridah mengambil keputusan yang bijak untuk |



|  |   |  |
|--|---|--|
| selepas saudara kembarnya, ibunya dan suaminya meninggal dunia.  | Faridah membuat keputusan untuk meninggalkan tanah air bagi melupakan kedukaannya   | menyelesaikan masalahnya/<br>Faridah tidak bertindak mengikut perasaan   |
| <b>Masalah rindu akan kampung halaman</b><br>Setelah berkahwin, Faridah menetap di New Zealand namun Faridah begitu rindu akan kampung halamannya. | Untuk mengubat rindunya, Faridah mendengar lagu-lagu Melayu yang disiarkan melalui radio Malaysia. Dia juga akan memasak masakan Melayu untuk keluarga dan rakan-rakan. | Faridah sepatutnya pulang ke kampung halamannya sesekali untuk mengubat rindu kerana dia tidak mempunyai masalah kewangan untuk berbuat demikian dan anak-anaknya juga sudah besar tetapi dia tidak berbuat demikian |
| <b>Masalah rindu akan adik kembarnya, Rahayu</b><br>Faridah terlalu merindui Rahayu sehingga terbawa-bawa ke dalam mimpi                           | Setelah terjaga daripada mimpi, dia menunaikan solat Tahajud untuk menenangkan perasaannya  | Faridah kuat iman/ Faridah mempunyai pegangan agama yang kuat  |

### SUTERA DALAM LUKISAN

| MASALAH +<br>CARA PENYELESAIAN = 1m  |  | KOMEN = 1 markah   |
|--|--|--|
| Radio kepunyaan Bujei yang amat baharu dibeli dan disayanginya telah dirosakkan oleh Alias.  | Bujei menumbuk, menyerang Alias dengan parang dan mengugut bahawa motosikal Alias akan dirosakkan jika dia enggan membayar ganti rugi. | Bujei sebenarnya bukannya penakut kerana dia berani bertindak dan berhadapan dengan Alias untuk menuntut haknya. |
| Bujei begitu takut akan Alias kerana setiap kali berjumpa Alias, dia akan dibuli. Alias akan menyuruhnya turun ke dalam sungai lalu mengotorkan badannya dengan lumpur. Dia juga akan disepak terajang oleh Alias. | Setiap kali terdengar bunyi motosikal melalui kawasan sungai, dia segera akan terjun ke dalam sungai supaya tidak dibuli oleh Alias.   | Tindakan Bujei ini tidak wajar kerana akan menyebabkan dia terus-menerus mangsa Alias.                           |
| Alias berusaha untuk memisahkan Bujei dan Adila  | Adila bertindak menanyakan hal penyakit kulit Bujei  | Tindakan mereka wajar kerana kita tidak boleh mendengar  |

|  |  |   |
|--|--|---|
| dengan menabur fitnah. Dia menghantar surat layang kepada Adila yang mengatakan bahawa Bujei dikatakan mempunyai penyakit kulit. Kepada Bujei, Adilla dikatakan menghidap penyakit AIDS. | kepada Sa'emah, sepupunya. Bujei pula memang tidak mempercayai bahawa Adila berpenyakit AIDS | kata orang tanpa usul periksa, apa lagi menyebarkannya.     |
| Bujei dipaksa oleh Harun untuk menurunkan cap jarinya pada surat tukar milik tanah   | Bujei merosakkan surat tersebut  | Bujei sebenarnya bijak dan tahu tentang tipu muslihat Harun |

### KEMBARA AMIRA

| MASALAH +<br>CARA PENYELESAIAN = 1m   |  | KOMEN = 1m  |
|---|--|---|
| Amira mendapati bahawa sahabatnya Malique hilang setelah kereta yang dinaiki terbabas di dalam hutan.       | Amira meminta bantuan daripada Itai untuk mencari Malique.   | Tindakan Amira bijak kerana Itai memang arif tentang selok-belok kawasan itu. Amira juga berjaya mendapat bantuan daripada Itai dan Orang Asli kerana pandai mengambil menjalinkan hubungan baik dan mengambil hati mereka. |
| Hutan Bukit Mat Raya akan musnah jika projek menggali emas diteruskan oleh O'Hara                           | Malique telah mencipta suatu virus dalam laporan yang disiapkannya untuk menggagalkan projek tersebut  | Tindakan yang rasional kerana dengan cara itu dapat mengelakkan maklumat penting jatuh ke tangan O'Hara   |
| Itai telah melanggar janji dan adat kaumnya apabila menunjukkan lokasi emas yang menjadi rahsia kaum mereka | Itai telah mengakui kesalahannya dan rela dihukum oleh kaumnya mengikut peraturan mereka. Walau bagaimanapun, dia yakin bahawa Amira tidak akan memecahkan rahsia itu kepada orang lain. | Itai bertanggungjawab kerana berani mengakui kesalahan yang dilakukannya. Dia sanggup menanggung risiko akan kehilangan jawatan sebagai ketua kaumnya bagi menggantikan Ludin.  |

(b) Peristiwa yang menunjukkan wujudnya nilai kasih sayang antara watak berdasarkan **dua buah** novel yang dikaji.

Peristiwa = 1 markah

Huraian = 2 markah

- 3 markah daripada 1 novel

Isi = 6 markah

Bahasa = 2 markah

Jumlah = 8 markah

**Novel Papa... (akhirnya kau tewas jua!)**

| <b>Pernyataan (1 markah)</b>                | <b>Huraian (2 markah)</b>   |
|---|---|
| Kasih sayang isteri terhadap suami          | Mama sanggup mengandung sekali lagi apabila Papa menyuarakan hasratnya yang inginkan anak lagi. Hal ini membuktikan kasih sayang Mama terhadap Papa walaupun Mama berhadapan dengan risiko komplikasi kelahiran sewaktu melahirkan Julia.   |
| Kasih sayang seorang anak terhadap ibu bapa | Julia menyatakan persetujuannya apabila Papa menyuarakan keinginannya untuk berkahwin dengan Aisyah. Julia sayang akan Papa yang sering berasa sepi sejak Mama koma selama tiga tahun walaupun dia menentang hasrat Papa yang ingin kahwin lagi pada awalnya. Dia sayang akan Mama dan dia juga sayang akan Papa tetapi berasa kasihan terhadap Papa. |
| Kasih sayang antara teman persekolahan      | Julia tetap meneruskan hubungannya dengan Rasydan walaupun Papa menentang hubungan mereka. Julia sayang akan Rasydan kerana mereka telah berkawan sejak Tingkatan Empat. Julia tidak mengendahkan larangan Papa kerana perasaan sayangnya akan Rasydan.   |

### Novel Azfa Hanani

| <b>Penyataan (1 markah)</b>                              | <b>Huraian (2 markah)</b>   |
|--|---|
| Kasih sayang seorang anak terhadap ibunya.               | Tengku Mazran dan Syafinaz meminta menyamar sebagai Tengku Murni untuk memulihkan semangat ibunya, Datin Maziah yang sering bertanya tentang Tengku Murni apabila tersedar daripada koma. Mereka berdua sangat sayang akan ibu mereka.  |
| Kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya                | Datin Maziah sangat sayang akan Tengku Murni, anak bongsunya yang telah mati dalam kemalangan jalan raya. Tengku Mazran bimbang ibunya akan berhadapan dengan masalah jiwa apabila mengetahui berita kematian anaknya itu.  |
| Kasih sayang antara saudara                              | Azfa Hanani menghulurkan wang yang diterima daripada Tengku Mazran setelah dia menyamar sebagai Tengku Murni kepada pak longnya. Wang itu diberikan untuk membantu merawat Zuraini, sepupunya berubat di luar negara kerana dia sakit lumpuh. Azfa sangat sayang akan Zuraini dan ingin membalas jasa pak long yang telah menjaganya sejak dia menjadi yatim piatu. |
| Kasih sayang seorang bapa saudara kepada anak saudaranya | Pak long sangat menyayangi Azfa kerana mahu Azfa berjaya dengan cemerlang dalam pelajaran. Walaupun miskin, dia tetap menghantar Azfa belajar di bandar.  |

### Novel Renyah

| <b>Penyataan (1 markah)</b>                    | <b>Huraian (2 markah)</b>   |
|--|---|
| Kasih sayang seorang suami terhadap isterinya. | Datk Dolhi menyayangi isterinya, Datin Tominah dengan menemaninya ke pertunjukan fesyen tersebut. Dia tidak berminat dengan acara tersebut tetapi tidak kisah menemani isterinya. |
| Kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak       | Datuk Dolhi dan Datin Tominah sayang akan Mukhlis yang menghadapi tekanan mental selepas terlibat dengan jemaah dakwah. Mukhlis   |

|  |  |
|--|--|
|  | dihantar untuk menjalani rawatan mental oleh Datuk Dolhi dan Datin Tominah.  |
| Kasih sayang seorang bapa terhadap anaknya | Datuk Dolhi sayang akan Wahi walaupun rahsianya mempunyai anak dengan isteri keduanya, Mastura terbongkar. Datuk Dolhi ingin melantik Wahi, anaknya menggantikannya dalam Syarikat Dolhi-Albert Holding. Dia mahu anaknya sendiri yang mengemudikan syarikatnya kerana anak-anaknya yang lain enggan melibatkan diri dalam perniagaan. |

### Novel Konserto Terakhir

| Pernyataan (1 markah)                           | Huraian (2 markah)   |
|---|--|
| Kasih sayang antara saudara/ sepupu             | Hayati sayang akan Hilmi yang sering mendapat layanan yang buruk daripada ibunya, Datin Salmah. Hayati menghantar makanan kepada Hilmi yang dilarang makan oleh Datin Salmah kerana pulang lewat ke rumah. Dia melayan Hilmi dengan baik kerana perasaan sayangnya akan Hilmi. |
| Kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya       | Datin Salmah sangat sayang akan anak tunggalnya, Hayati. Datin Salmah mahu Hayati menjauhkan dirinya daripada Hilmi. Beliau tidak mahu Hayati dipengaruhi oleh anak kampung yang tidak berpelajaran seperti Hilmi.   |
| Kasih sayang seorang bapa mentua kepada menantu | Pak Bakar menyayangi Hilmi dan mengnggap Hilmi seperti anaknya sendiri. Beliau tetap melayan Hilmi dengan baik sama seperti dulu walaupun Hilmi dan anaknya, Azizah telah pun berpisah.  |

## MELUNAS RINDU

| PERNYATAAN (1 markah)<br>(nyatakan nama watak yang terlibat) | PERISTIWA (2 markah)  |
|--|---|
| Kasih antara ibu/bapa dengan anak                            | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mak Salmah terlantar sakit berbulan-bulan setelah Sofia meninggal dunia semasa diculik oleh Fuad</li> <li>- Fuad berusaha untuk mencari kubur ibunya yang tidak diketahui kedudukannya apabila diberitahu bahawa ibunya telah meninggal dunia</li> <li>- Farhana bergegas pulang ke Kuantan apabila mengetahui ibunya sakit dan dimasukkan ke hospital</li> <li>- Mariana memasakkan Farhana makanan kegemarannya iaitu karipap setelah mengetahui bahawa Farhana akan pulang ke kampung</li> <li>- Robert Lim masih membantu Fuad yang tidak bekerja dengan memasukkan sejumlah wang ke dalam akaunnya, walaupun Fuad lari dari rumah dan enggan berjumpa dengannya.</li> <li>- Fuad telah membawa ibunya, Mariana dan ibu bapa angkatnya ke Mekah untuk menunaikan umrah</li> <li>- Fuad telah membelikan ayah angkatnya, sebuah motosikal untuk memudahkan pergerakannya dan isterinya, Mak Salmah</li> </ul> |
| Kasih sayang kepada sahabat                                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Apabila Borhan tidak datang menunaikan solat berjemaah di masjid kerana anaknya sakit, Fuad segera ke rumah Borhan. Dia membawa anak Borhan ke klinik dengan keretanya dan membayar kos rawatannya.</li> <li>- Fuad merayakan hari lahir Farhana di sebuah restoran terapung</li> <li>- Fuad segera ke Kuantan apabila mengetahui bahawa Farhana telah pulang ke Kuantan untuk menjaga ibunya yang dirawat di hospital.</li> </ul>   |
| Kasih sayang kepada Allah                                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Fuad taat mengerjakan solat fardu 5 waktu. Jika tidak ke mana-mana, dia akan mengerjakan solat secara berjemaah di surau.</li> <li>- Fuad tetap menunaikan solat walaupun ketika bermusafir. Dia akan berhenti di mana-mana surau sepanjang perjalanan untuk solat, contohnya ketika dia dan Farhana hendak pulang ke kampung semasa cuti sekolah.</li> <li>- Fuad belajar mengaji dan mendalami ilmu agama daripada bapa angkatnya Pak Ismail</li> </ul>  |

## KABUS DI PERBUKITAN

| PERNYATAAN (1 markah)<br>(nyatakan nama watak yang terlibat) | PERISTIWA (2 markah)  |
|--|---|
| Kasih antara ibu/bapa dengan anak                            | <ul style="list-style-type: none"><li>- Setelah mendapat tahu bahawa Faridah terlibat dalam kemalangan, Mak Salmah tak putus-putus mendoakan keselamatan anaknya</li><li>- Walaupun setelah berkahwin, Faridah tidak tinggal bersama-sama suaminya kerana tidak mahu meninggalkan ibunya keseorangan di rumah</li><li>- Setelah Rahayu meninggal, Mak Salmah mengunjungi pusara Rahayu sehingga dua atau tiga kali sehari kerana merindui Rahayu</li><li>- Mejar (B) Kamarudin masuk ke hutan untuk mencari anaknya Faridah yang hilang semasa terlibat dalam kemalangan jalan raya di Bukit Freaser.</li></ul> |
| Kasih sayang kepada sahabat                                  | <ul style="list-style-type: none"><li>- Walaupun Rahayu telah meninggal dunia, Azrul tetap berpegang pada janjinya bahawa dia akan menjadi petani moden yang berjaya</li><li>- Khadijah iaitu anak gadis jiran Mellina akan sentiasa menemani Mellina apabila Benny bertugas di luar kawasan.</li></ul>   |
| Kasih sayang kepada negara                                   | <ul style="list-style-type: none"><li>- Faridah yang merindui Malaysia semasa berada di New Zealand akan membuka siaran radio Malaysia untuk mendengar lagu-lagu Melayu</li><li>- Faridah akan memasakkan jiran-jiran dan kawan-kawannya di New Zealand masakan Melayu ketika acara tertentu diadakan</li><li>- Mejar (B) Kamarudin akur kepada perintah untuk bertugas di luar negara iaitu di Pontianak, Indonesia walaupun terpaksa meninggalkan kehidupan yang selesa dan berpisah dengan anak isterinya.</li></ul>   |

## SUTERA DALAM LUKISAN

| PERNYATAAN (1 markah)<br>(nyatakan nama watak yang terlibat) | PERISTIWA (2 markah)   |
|--|--|
| Kasih sayang ibu/bapa dengan anak                            | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bujei mempertahankan ibunya yang didera oleh ayahnya. Dia juga cuba menyelamatkan ibunya dalam kebakaran yang dimulakan oleh ayah tirinya.</li> <li>- Tau begitu merindui anaknya, Sabi yang telah dibawa lari oleh isterinya, Jennifer. Oleh sebab itu, dia telah menyelamatkan Malique yang terlibat dalam kemalangan di jalan hutan lalu menyembunyikannya di dalam gua.</li> <li>- Bujei amat menyayangi arwah bapanya iaitu bekas tentera yang meninggal dunia setelah terbabit dalam kemalangan jalan raya. Dia selalu bercerita tentang ayahnya kepada rakan-rakan di sekolah, malahan bercita-cita untuk mengikut jejak langkah ayahnya.</li> </ul> |
| Kasih sayang kepada sahabat                                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Adila berusaha untuk membantu Bujei yang dianggap kurang siuman dan kebodak-bodakan supaya lebih yakin diri dan berdikari dengan memberikan kata-kata semangat dan nasihat.</li> <li>- Adila menderma darah kepada Sahak setelah Sahak terlibat dalam kemalangan</li> <li>- Bujei akan menunggu kawan-kawannya yang akan pergi ke sekolah di pangkal pokok bunga pada setiap pagi. Setelah bertemu dengan mereka, dia akan meminta makanan dan minuman daripada Sulaiman dan Kasim. Sebagai upahnya, dia diminta membawa beg mereka.</li> </ul>   |
| Kasih sayang terhadap anggota masyarakat                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Wak Senen selalu memberi Bujei wang. Wang RM10 yang diterima itu tidak digunakan, tetapi disimpan di dalam kendi tembaga yang disorokkan di bawah rumah</li> <li>- Mak Som menyelamatkan Bujei daripada ditampar oleh Alias setelah Bujei bertegas menuntut upah mencuci motor Alias. Mak Som juga mengajak Bujei makan di dapur dan memberinya wang seringgat.</li> </ul>  |



## KEMBARA AMIRA

| PERNYATAAN<br>(1 markah)<br>(nyatakan nama watak yang terlibat) | PERISTIWA (2 markah)   |
|---|--|
| Kasih sayang ibu/bapa dengan anak                               | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jennifer datang dari Melaka ke Bukit Mat Raya setelah mendapat tahu bahawa Malique hilang</li> <li>- Dr Zawawi berusaha untuk mencari Amira di Gua Gunung Gajah. Dia tidak mahu sesuatu yang buruk menimpa anaknya itu.</li> <li>- Tau telah menyerahkan anaknya, Itai kepada abangnya Ludin kerana sayang akan anaknya itu dan mahu Itai mempunyai masa hadapan yang lebih baik jika tinggal bersama-sama Ludin. Dia juga tidak melepaskan tanggungjawab mendidik Itai kerana dia telah mengajarkan Itai segala ilmu dan selok-belok tentang hutan.</li> </ul>   |
| Kasih sayang kepada sahabat                                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Amira mengetahui bahawa Jacinta menghadapi masalah keluarga. Oleh itu, dia telah mengajak Jacinta mengikutnya ke Bukit Mat Raya untuk menghilangkan tekanan yang dihadapi</li> <li>- Amira berusaha untuk mencari Malique. Dengan bantuan Itai, mereka menjejak Malique hingga ke Gunung Gua Gajah</li> <li>- Amira telah mengikut Itai ke lokasi rahsia yang dikatakan mengandungi banyak emas kerana dia mahu menghadiahkan sahabatnya, Jacinta sebutir batu kuarza. Hal ini demikian kerana Jacinta sangat berhasrat akan batu tersebut.</li> <li>- Itai sanggup melanggar janji dengan kaumnya agar merahsiakan kedudukan emas yang digilai oleh orang luar kerana membawa Amira ke tempat itu untuk mengambil seketul batu yang hendak dihadiahkan kepada Jacinta. Akibatnya, Itai dihukum oleh kaumnya.</li> <li>- Amira dan Jacinta telah pergi ke Perkampungan Orang Asli untuk menziarahi Itai setelah Itai tidak datang ke tempat mereka mencari gali selama 2 hari. Mereka risau jika ada apa-apa yang berlaku kepada Itai.</li> </ul> |
| Kasih sayang kepada alam sekitar                                | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Profesor Zaidah dan pasukan pencari gali bersemangat meneruskan penggalian kerana jika mereka dapat membuktikan bahawa di kawasan itu terdapat bahan-bahan arkeologi.</li> <li>- Tau sanggup menjadi makhluk berbulu untuk menakutkan pembalok dan pencari gali emas kerana mahu mempertahankan hutan daripada dimusnahkan oleh kegiatan mereka itu.</li> </ul>   |

### PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT